

KPDNHEP, Shopee rancakkan kempen Beli Barangan Malaysia

Hasif Idris
03 Oktober 2019 9:21 PM



KPDNHEP



KUALA LUMPUR 3 Okt. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan platform e-dagang, Shopee bagi merancakkan kempen 'Beli Barangan Malaysia' secara dalam talian.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, langkah itu bertujuan menggalakkan pembelian produk buatan Malaysia sekali gus membantu usahawan tempatan mengembangkan perniagaan mereka.

"Kita mahu perniagaan usahawan tempatan berkembang maju dalam persekitaran yang kompetitif. Oleh itu, sebanyak 2,300 produk akan dijual melibatkan 130 usahawan tempatan merangkumi semua segmen jualan seperti pakaian, makanan, kosmetik dan perkhidmatan.

"Memandangkan Shopee menawarkan capaian kepada 20 juta pengguna di negara ini dan berpotensi mencapai 200 juta pengguna lagi di rantau ASEAN, saya yakin kempen Beli Barangan Malaysia di Shopee akan mencatatkan kejayaan besar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kempen 'Beli Barangan Malaysia' anjuran Shopee dan Festival Jenama 10.10 di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Bahagian Perniagaan Shopee Malaysia, Zed Li.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, Shopee menghasilkan halaman koleksi khusus bagi pembelian barangan tempatan tersebut.

"Shopee menghasilkan halaman koleksi khusus Beli Barangan Malaysia yang mengetengahkan produk tempatan popular seperti Pensonic, BeauSiti oleh Datuk Siti Nurhaliza, Aik Cheong, Selamat, Victoria Sloane dan OldTown White Coffee.

"Kempen ini juga mendapat sokongan selebriti daripada 'Shopee Selebriti Skwad' yang turut mengetengahkan produk masing-masing antaranya Tya Ariffin, Amy Search dan Nana Mahazan," jelasnya.

Tambahnya lagi, bermula dengan 'Festival Jenama 10.10' Shopee akan mula mengetengahkan barangan itu bagi acara beli-belah mega akhir tahun yang akan datang termasuk kempen global 11.11 dan 12.12. - UTUSAN ONLINE